

Soalan No: 89

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM]

TARIKH : 26.7.2017

SOALAN :

Tuan Khalid Bin Abd Samad [Shah Alam] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan hasil kajian tangga gaji guru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Semakan tangga gaji guru memerlukan satu kajian yang komprehensif dan mempunyai implikasi yang sangat besar kewangan negara. Pelbagai aspek perlu diberi perhatian yang memerlukan pertimbangan serta kelulusan pihak Agensi Pusat.

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), telah diperuntukkan penetapan gaji permulaan berdasarkan kelayakan akademik sama ada Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah (PhD) bagi.

Bagi guru dalam perkhidmatan yang memiliki ijazah sarjana atau PhD, mereka diberikan pengiktirafan dalam penilaian Akademik dan Pengalaman. Pengiktirafan ini memberikan *Margin of Preference* (MOP) yang lebih besar kepada guru yang memiliki kelayakan lebih tinggi, iaitu dengan wajaran 8 peratus bagi pemegang sarjana dan 10 peratus bagi pemegang PhD dalam urusan kenaikan pangkat tanpa mengambil kira tempoh menamatkan pengajian.

Selain itu juga, Kementerian Pendidikan Malaysia terus berusaha memantapkan laluan kerjaya guru dengan menyediakan peluang kenaikan pangkat melibatkan 22 laluan kenaikan bagi semua gred. Antaranya ialah mewujudkan laluan Guru Cemerlang yang menjadi pemangkin dalam meningkatkan prestasi guru. Ini membolehkan pengiktirafan yang formal diberi kepada guru yang cemerlang selain peningkatan ganjaran kewangan.